

<p><b>Dagangan:</b></p> <p><b>02. SELF ADHESIVE PAPER</b> Trade Name: Paper Base</p>	<p><b>Kod Tarif :</b></p> <p>4811.41.100 (cut to size) 4811.41.900(not cut to size)</p>
<p><b>Keterangan :</b></p> <p>Barangan ini terdiri daripada 3 lapisan seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>a. <i>Lapisan atas</i> : terdiri daripada kertas putih bercetak dan disaluti dengan bahan plastik di bahagian atas.</li> <li>b. <i>Lapisan tengah</i> : terdiri daripada adhesive</li> <li>c. <i>Lapisan bawah</i> : terdiri daripada kertas kuning tetapi juga disaluti dengan bahan plastik di bahagian atas yang menyentuh lapisan adhesive.</li> </ol> <p>Bahagian yang dipakai adalah Lapisan atas dan tengah sahaja yang mana boleh dipisahkan dengan lapisan bawah.</p> <p>Kertas putih bercetak dan adhesive adalah lebih tebal daripada bahan plastik yang diasaluti di bahagian atasnya. Bahan plastik disahkan oleh Jabatan Kimia dalam laporannya (PJ)IKA 3006/08-0 bertarikh 31 Okt 2008 sebagai polydimethylsiloxane.</p> <p>Kertas ini akan diimport dalam bentuk roll/sheet mengikut kepada permintaan pelanggan.</p> <p>Isu:</p> <p>Berdasarkan sifat &amp; kegunaan, “Essential Character” barangan ini adalah pada kertas putih (lapisan atas) kerana kertas kuning (lapisan bawah) hanya bertindak sebagai pelindung kepada adhesive yang mana akan dibuang selepas kertas putih ditanggalkan. Walaubagaimanapun kertas putih ini masih disaluti dengan bahan plastic di bahagian atas &amp; adhesive di bahagian bawah. Oleh itu berkemungkinan barang ini jatuh di bawah no kepala <b>3921</b> sebagai “<i>other sheets of plastic</i>” atau <b>4811</b> sebagai <i>Gummed or adhesive paper!</i></p> <p>Klasifikasi:</p> <p>Berdasarkan sifat fizikal kertas putih tersebut yang mana lebih tebal daripada bahan salutnya dan boleh dikoyak, Oleh itu sifatnya masih sebagai “<b>kertas</b>” jika dibandingkan dengan “ plastic”. Sifat seperti ini memenuhi keterangan seperti yang diberikan dalam EN, ms VII-39-13 seperti berikut:</p> <p style="text-align: center;"><b>Combinations of plastics and materials other than textiles</b></p> <p>This Chapter also covers the following products, whether they have been obtained by a single operation or by a number of successive operations <b>provided</b> that they retain the essential character of articles of plastics :</p>	

(a) Plates, sheets, etc., incorporating a reinforcement or a supporting mesh of another material (wire, glass fibres, etc.) embedded in the body of the plastics.

(b) Plates, sheets, etc., of plastics, separated by a layer of another material such as metal foil, paper, paperboard.

**Products consisting of paper or paperboard covered with a thin protective sheet of plastics on both faces are excluded from this Chapter provided they retain the essential character of paper or paperboard (generally heading 48.11).**

Ketetapan:

Berdasarkan keterangan di atas, kertas ini sesuai dipenjeniskan di bawah no sub-kepala 4811.41 sebagai “self adhesive paper”.Walaubagaimanapun memandangkan pengilang tidak dapat menentukan saiznya kerana permintaan pelanggan yang berbeza-beza, Panel Penetapan Penjenisan Barangan telah memutuskan bahawa barangan ini dipenjeniskan mengikut General Interpretation Rule 3 (b) & 6 di bawah dua kod tariff iaitu **4811.41.100 sebagai *self-adhesive paper, cut to size* dan 4811.41.900 sebagai *self-adhesive paper, not cut to size***. Penentuan ke atas saiznya samada *cut or not cut to size* dinyatakan dalam Nota Nasional 1, Chapter 48.

**Gambar :**

Tiada